



## **Kesedaran Rakyat Malaysia Mengenai Rukun Negara Hanya Bermusim?: Kajian Infodemiologi Berasaskan Google Trends**

**Mohd Sobhi Ishak<sup>1</sup>, Azizah Sarkowi<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman, Kedah, Malaysia

Correspondence: Mohd Sobhi Ishak ([msobhi@ukm.edu.my](mailto:msobhi@ukm.edu.my))

### **Abstrak**

Rukun Negara yang diisyiharkan pada tahun 1970 merupakan asas pembentukan negara bangsa Malaysia. Sepanjang setengah abad ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan masyarakat memahami, menghayati dan mengamalkan Rukun Negara. Selari dengan perkembangan dunia digital pada hari ini, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesedaran rakyat Malaysia berkaitan Rukun Negara dalam tempoh 5 tahun (2016-2020) yang diukur berdasarkan trend carian maklumat di aplikasi Google. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti topik-topik berkaitan Rukun Negara yang menjadi fokus carian maklumat di Malaysia. Data kajian ini diperolehi daripada Google Trends, iaitu satu aplikasi yang menyediakan data raya tentang carian maklumat di Google. Graf trend kajian dan Jumlah Carian Relatif (JCR) dalam tempoh kajian dianalisis dengan menggunakan SPSS 22.0 secara deskriptif dan inferensi ANOVA dua-hala. Dapatan menunjukkan terdapat trend peningkatan carian maklumat Rukun Negara dalam tempoh kajian. Carian ini adalah berlaku sepanjang tahun namun meningkat ketara sepanjang tempoh bulan kemerdekaan dan senario yang berlaku dalam tahun-tahun tertentu. Carian tertinggi adalah pada bulan November 2020 yang selari dengan pemakluman Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025 di media massa dan pelaksanaan sesi maklum balas rakyat.. Kajian ini juga mengenal pasti topik yang menunjukkan keprihatinan masyarakat terhadap Rukun Negara, yang berkaitan dengan kesan, matlamat, kepentingan dan kaedah penghayatan. Dapatan kajian ini diharap mampu memberi input kepada pihak berkepentingan untuk merangka pelbagai inisiatif bagi menyuburkan perpaduan di Malaysia.

**Kata kunci:** Rukun Negara, Google Trends, perpaduan, bulan kemerdekaan, infodemiologi

## **Malaysians' Awareness Of Rukun Negara Is Only Seasonal ?: A Google Trends-Based Infodemiological Study**

### **Abstract**

Rukun Negara, which was declared in 1970, is the basis for forming the Malaysian nation. During this half-century, various initiatives have been implemented to ensure that the community understands, appreciates, and practices the Rukun Negara. In line with the development of the digital world today, this study aims to identify the awareness of Malaysians related to the Rukun Negara in 5 years period (2016-2020) measured based on information search trends in Google applications. This study also aims to identify topics related to Rukun Negara, the focus of information search in Malaysia. The data of this study was obtained from Google Trends, which is an application that provides big data about information search on Google. Google Trends graphs and Relative Search Volume (RSV) for the

period of interest were analyzed in SPSS 22.0 by using descriptive and inferential two-way ANOVA. The findings show an increasing trend of Rukun Negara information search during the study period. These searches occur throughout the year but increase significantly during the period of Merdeka month and scenarios that occur in certain years. The highest search was in November 2020, which was in line with the notification of the National Unity Action Plan 2021-2025 in the mass media and the implementation of the people's feedback session. This study also identifies topics that show the community's concern for the Rukun Negara, pertaining to the effects, goals, importance, and methods of appreciation. The findings of this study are expected to provide input to stakeholders to formulate various initiatives to foster unity in Malaysia.

**Keywords:** Rukun Negara, Google Trends, unity, Merdeka month, infodemiology

---

## Pengenalan

Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong IV, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah pada 31 Ogos 1970. bersempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-13. Rukun negara telah dibentuk untuk dijadikan pegangan dalam usaha mewujudkan perpaduan masyarakat berbilang bangsa susulan tragedi 13 Mei 1969. Kepelbagaiannya etnik di Malaysia merupakan satu keunikan dalam kerencaman (Evers, 2014). Dasar yang terkandung dalam lima prinsip rukun negara amat mendalam meliputi nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kepatuhan kepada Perlembagaan dan undang-undang serta masyarakat yang sopan dan bertatasusila. Ia menjadi asas kepada kerukunan, perpaduan, kemakmuran, kestabilan dan kemajuan nusa bangsa. Setelah lebih lima dekad pengisytiharan rukun negara, pelbagai inisiatif bagi menerapkan pemahaman, penghayatan dan pengamalan telah dilaksanakan di pelbagai peringkat masyarakat.

Sambutan Perayaan Jubli Emas Rukun Negara telah berlangsung pada bulan Julai 2020 dengan pelancaran logo rasmi sambutan serta pelbagai program antaranya acara *Insta Challenge*, Rukun Negara *Hour*, *webinar*, *e-Treasure Hunt*, Pengisahan negara, dan *Ted talk* Kenegaraan. Mengimbau kembali pada tahun 2004, Program MY Rukun Negara telah dilancarkan yang meliputi Kelab Rukun Negara di sekolah dan Sekretariat Rukun Negara di Institusi Pengajian Tinggi bagi menyemai kesedaran tentang rukun Negara kepada kanak-kanak dan remaja (JPNIN, 2013). Selain itu, pelbagai pandangan dan saranan berkaitan pengukuhan Rukun Negara dari tokoh akademik, sejarawan dan pemimpin negara juga banyak dibincangkan di media massa. Berdasarkan carian pengkaji dalam repositori kajian Malaysia MyJurnal dan Scopus mendapati kajian berkaitan Rukun Negara telah mendapat perhatian pengkaji (Lee & Gill, 2008; Rohizahtulamni, Gill, & Ahmad Tarmizi, 2013; Siti Norayu, Junainor, Shuhairimi, & Hassad, 2014).

Walau bagaimanapun, pendekatan kajian ilmiah berkaitan Rukun Negara masih terhad kepada bentuk naratif dan kuantitatif secara keratan rentas. Kelompongan masih wujud bagi penerokaan kajian dengan menggunakan pendekatan penyelidikan yang selari dengan perkembangan Masyarakat 5.0.. Kajian ini merupakan satu pendekatan baru penyelidikan berdasarkan maklumat data raya bagi mengatasi. Idea ini dikemukakan kerana carian Internet boleh dianggap sebagai petunjuk minat orang ramai terhadap sesuatu perkara (Wilson et al., 2018). Ia juga dipercayai mampu memberi input indikator sosial masyarakat yang boleh dipercayai kepada pihak berkepentingan (Bella et al., 2018). Sejarah carian di Internet yang disimpan dalam bentuk data Google Trends merupakan satu bentuk data raya yang mendedahkan maklumat tentang keperluan dan kehendak masyarakat, minat serta masalah yang mereka hadapi (Aguilera et al., 2021). Justeru, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti trend kesedaran masyarakat Malaysia berkaitan Rukun Negara dalam tempoh 5 tahun (2016-2020) yang diukur berdasarkan data raya carian maklumat di aplikasi Google Trends. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti mengenal pasti topik-topik berkaitan Rukun Negara yang menjadi fokus carian maklumat di Malaysia. Pemilihan Google adalah kerana ia merupakan enjin carian utama di Malaysia (<https://datareportal.com/reports/digital-2021-malaysia>)

## **Sorotan Literatur**

### ***Rukun Negara***

Perbincangan tentang peranan Rukun Negara teras pembinaan modal insan telah dikupas oleh Lee dan Gill (2008). Artikel kajian Abd Muis dan rakan-rakan (2012) pula melaksanakan analisis perbandingan secara kritikal terhadap komponen negara bangsa dari perspektif Rukun Negara, Bangsa Malaysia dan 1Malaysia. Kajian terkini Hamid, Zawawi, Disa dan Tahir (2021) pula membincangkan tentang Rukun Negara dari sudut perundungan. Selain itu, kajian berkaitan pemahaman dan penghayatan turut menarik perhatian pengkaji dan memfokuskan kepada kajian dalam kalangan golongan muda (Rohaizahtulamni, Gill, & Ahmad Tarmizi, 2013; Siti Norayu, Junainor, Shuhairimi, & Hassad, 2014). Kajian Rohaizahtulamni dan rakan-rakan (2013) telah memberi fokus kepada penghayatan Rukun Negara dalam kalangan 598 belia di kawasan bandar. Manakala, kumpulan kajian Siti Norayu (2014) pula menganalisis persepsi 200 pelajar teknikal di Universiti Malaysia Perlis mengenai kefahaman konsep Rukun Negara dalam kursus Hubungan Etnik. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian tersebut terhad kepada kajian berbentuk tinjauan keratan rentas menggunakan soal selidik.

### ***Trend Carian Maklumat di Internet***

Bertitik tolak daripada perkembangan dunia maya pada hari ini, kajian menunjukkan bahawa masyarakat bergantung kepada sumber Internet untuk carian maklumat (Kaewmanee, Muangprathub, & Sae-Jie, 2021). Google adalah enjin carian paling popular di dunia (Statista, 2021) dan telah terbukti sebagai enjin carian terbaik untuk ketepatan maklumat dan masa respons yang pantas (Hingoro, & Nawaz, 2021). Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan peratusan capaian isi rumah kepada Internet menunjukkan berlaku peningkatan kepada 91.7 peratus pada 2020 berbanding 90.1 peratus pada 2019, dan 85.4 peratus menggunakan Internet untuk mencari maklumat dalam talian (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Google Trends pula adalah salah satu alat analisis carian dalam talian yang menganalisis peratusan carian melalui laman web Google. Melalui analisis ini pengguna berupaya untuk menentukan berapa banyak carian yang telah dilakukan berdasarkan kata kunci tertentu berbanding dengan jumlah carian Google yang dilakukan dalam satu tempoh masa tertentu. Kini, penelitian terhadap kecenderungan carian maklumat tersebut merupakan disiplin penyelidikan baru yang disebut infodemiologi. Kaedah penyelidikan ini digunakan secara meluas di seluruh dunia terutamanya dalam bidang kesihatan (antaranya Tijerina et al., 2019; Sharma, & Sharma, 2020; Mayo-Yáñez et al., 2021) dan pemasaran (antaranya Liu, An, & Zhou, 2021; Silva et al., 2019; Demirel, 2020). Walau bagaimanapun, aplikasi kaedah penyelidikan ini dalam bidang yang lain masih kurang diteroka. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengaplikasikan Google Trends dalam kajian berkaitan tingkah laku pencarian maklumat Rukun Negara di Internet.

## **Metod Kajian**

Kajian ini adalah kajian jangka panjang dalam bentuk Retrospektif bagi lima tahun bermula pada 2016 hingga tahun 2020. Tahun 2020 dipilih bersempena sambutan Jubli emas Rukun Negara. Manakala tahun 2016 dipilih sebagai tahun permulaan kerana limitasi Google Trends yang menyediakan data raya dalam bentuk mingguan pada tahun tersebut berbanding data bulanan pada tahun-tahun sebelumnya.

Kata kunci yang digunakan dalam carian Google bagi kajian ini ialah “rukun negara”. Walaupun Google Trends menyediakan data raya dari lokasi negara seluruh dunia, namun carian dalam kajian ini dihadkan kepada Malaysia. Data yang diperoleh daripada data raya Google Trends dimuat turun dalam format .csv. Data yang diperoleh ialah Jumlah Carian Relatif (JCR) dalam bentuk skala 0- 100, 100 menunjukkan carian tertinggi berdasarkan sesuatu kata kunci bagi satu tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan carian yang dilaksanakan, sebanyak 361 data mingguan JCR dimuat turun. Pengkaji mengkategorikan data mingguan kepada 2 kumpulan yang signifikan dalam kajian rukun negara iaitu Bulan Kemerdekaan dan bulan-bulan lain pada setiap tahun. Pengkaji mengenal pasti minggu yang

bertepatan dengan 31 Ogos iaitu hari Kemerdekaan dan mengambil 2 minggu sebelum dan selepas minggu tersebut. Kaedah pengkategorian minggu yang bersesuaian dengan fokus kajian diadaptasi dari kajian Scheres (2016). Oleh itu jumlah minggu bagi Bulan Kemerdekaan dalam konteks kajian ini ialah 5 minggu, manakala bulan-bulan lain diwakili oleh 47 minggu yang lain.

Data berkaitan topik carian turut dimuat turun dalam format .csv daripada Google Trends. Terdapat dua data raya yang dimuat turun dalam dua kategori iaitu:

- i. Tertinggi – Kata kunci carian yang paling popular. Penskoran adalah secara relatif dalam bentuk skala 0 hingga 100, iaitu 100 adalah kata kunci carian tertinggi.
- ii. Peningkatan – Kata kunci carian yang mengalami peningkatan yang besar dalam tempoh kajian. Dapatan dalam yang dilabelkan sebagai “Breakout” ialah kata kunci carian yang amat paling ketara, berkemungkinan disebabkan ia merupakan kata kunci yang baharu dan hanya terdapat (jika ada) dalam pencarian terdahulu.


Penganalisisan data dilaksanakan secara deskriptif dan inferensi berbentukan SPSS22.0. Analisis deskriptif secara bilangan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan bagi memerihalkan JCR dan topik carian yang diperoleh dari Data Raya Google Trends. Manakala analisis ANOVA 2-hala pula digunakan bagi mengenal pasti perbezaan trend carian berdasarkan JSR mengikut tahun dan tempoh Bulan Kemerdekaan.

## Hasil Kajian

### **Trend Carian Maklumat Rukun Negara (2016-2020)**


Rajah 1 menunjukkan analisis Google Trends maklumat berkaitan Rukun Negara bagi tahun 2016 hingga tahun 2020 yang dipaparkan dalam Google Trends. Dapatan ini menunjukkan terdapat jumlah carian yang tertinggi ialah pada tahun 2020.

Rajah 1: Analisis Google Trends Maklumat Rukun Negara (2016-2020)



Plot graf yang dijana berdasarkan JCR pada Rajah 2 membuktikan bahawa peningkatan carian ini berlaku secara berterusan bagi tempoh 5 tahun kajian (2016-2020). Terdapat juga peningkatan carian bagi tempoh-tempoh tertentu bagi setiap tahun.

Rajah 2 : Analisis Trend Peningkatan Carian Maklumat Rukun Negara (2016-2020)



### **Trend Carian Maklumat Rukun Negara Berdasarkan Tahun dan Tempoh (Bulan Kemerdekaan)**

Jadual 1 menunjukkan min JCR bagi setiap tahun dan tempoh kajian. Penelitian terhadap jumlah nilai min JCR bagi lima tahun menunjukkan peningkatan bagi setiap tahun. Jumlah min JCR pada tahun 2016 ialah 14.52 (s.p=7.421) dan meningkat kepada min=16.38 (s.p=7.821) pada tahun 2017. Tahun 2018 juga menunjukkan peningkatan jumlah min JCR kepada min=17.67(s.p=9.324), 2019 (min=17.67, s.p=9.324) dan melonjak hampir 80% pada tahun 2020 kepada min=32.12 (s.p=19.783).

Jadual 1: Analisis Deskriptif Jumlah Carian Relatif Mengikut Tahun dan Tempoh Bulan Kemerdekaan

<b>Tahun</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Min JCR</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
2016	Bulan Kemerdekaan	18.40	5.727
	Bulan–bulan Lain	14.11	7.510
	Jumlah	14.52	7.421
2017	Bulan Kemerdekaan	13.00	4.796
	Bulan–bulan Lain	16.73	8.023
	Jumlah	16.38	7.821
2018	Bulan Kemerdekaan	29.80	16.177
	Bulan–bulan Lain	16.38	7.479
	Jumlah	17.67	9.324
2019	Bulan Kemerdekaan	36.80	16.574
	Bulan–bulan Lain	16.21	6.248
	Jumlah	18.19	9.712
2020	Bulan Kemerdekaan	64.60	17.939
	Bulan–bulan Lain	28.66	16.704
	Jumlah	32.12	19.783

Tempoh bulan kemerdekaan menunjukkan JCR bagi 5 minggu sepanjang bulan kemerdekaan iaitu julat tempoh masa dalam lingkungan yang terhampir antara 15 Ogos hingga 15 September bagi setiap tahun dalam Google Trends. Dapat menunjukkan terdapat penurunan min carian JCR pada bulan kemerdekaan bagi tahun 2017 (min=13.00, s.p=4.796) berbanding tahun 2016(min=18.40, s.p=5.727). Walau bagaimanapun, penelitian seterusnya terhadap carian dalam tempoh Bulan Kemerdekaan menunjukkan terdapat peningkatan min JCR pada tahun 2018 (min=29.80, s.p = 16.177) berbanding tahun 2017 (min=13.00, s.p=4.796), dan terus meningkat pada tahun 2019 (min=36.80, s.p=16.574). Seterusnya, terdapat lonjakan sebanyak 75.5% min JCR pada Bulan Kemerdekaan pada tahun 2020 iaitu mencapai nilai min=64.60 (s.p= 17.939). Min carian JCR bagi bulan-bulan lain pula menunjukkan terdapat peningkatan kecil nilai min pada tahun 2017 (min=16.73, s.p=8.023) berbanding tahun 2016 (min=14.11, s.p=7.510).Walau bagaimanapun, min JCR bagi tahun 2018 mengalami penurunan (min=16.38, s.p=7.479) dan semakin menurun pada tahun 2019 (min=16.21, s.p=6.248). Sebaliknya, peningkatan berlaku semula min JCR yang ketara pada tahun 2020 dengan nilai min = 28.66 (s.p=16.704).

Analisis ANOVA dua hala telah dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi JCR berdasarkan lima tahun kajian dan tempoh bulan kemerdekaan dan bulan-bulan lain. Dapat kajian dalam jadual 2 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $F = 27.935$  dan  $\text{sig}=0.000$ ) bagi JCR berdasarkan tahun. Dapat turut menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $F=42.611$  dan  $\text{sig}=0.000$ ) bagi JCR berdasarkan tempoh carian dalam bulan kemerdekaan dan bulan-bulan lain. Berdasarkan Jadual 2 juga, terdapat kesan interaksi yang signifikan antara tahun carian dengan tempoh carian ke atas JCR ( $F=10.005$ ,  $p=0.000$ ). Ini bermakna JCR bagi tahun carian bergantung kepada tempoh carian dilaksanakan.


Jadual 2 : Analisis ANOVA Dua-hala antara Tahun dan Tempoh terhadap Jumlah Carian Relatif (JCR)

Kesan Utama	Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	Nilai F	Tahap Signifikan*
Tahun	11788.288	4	2947.072	27.935	.000
Tempoh	4495.306	1	4495.306	42.611	.000
Tahun * Tempoh	4222.033	4	1055.508	10.005	.000
Ralat	26479.479	251			
Jumlah	147454.000	261			

\*Nilai adalah signifikan apabila  $p < 0.01$

Hasil analisis kesan interaksi antara tahun dan tempoh berdasarkan JCR adalah seperti dalam Rajah 3. Graf kesan interaksi menunjukkan terdapat kesan interaksi iaitu kedua-dua garisan bertemu pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 3 tahun selepas itu (2018-2020), kesan tempoh pelaksanaan carian adalah sama sahaja. Carian bagi tempoh bulan kemerdekaan adalah lebih tinggi berbanding bulan yang lain sama ada bagi tahun 2018, 2019 dan 2020.

Rajah 3: Kesan Interaksi Tahun dan Tempoh Bulan Kemerdekaan terhadap Jumlah Carian Relatif



### **Trend Tumpuan Carian Maklumat Rukun Negara Berdasarkan Tempoh**


Rajah 4 menunjukkan trend pada setiap tahun bagi menggambarkan carian tertinggi yang lebih terperinci berdasarkan tarikh carian. Rajah 4a dan 4b menunjukkan trend carian tertinggi adalah sekitar bulan Mei hingga April. Carian tertinggi pada tahun 2016 ialah pada 8 -14 Mei 2016, manakala carian tertinggi pada tahun 2017 ialah pada 26 Mac - 1 April 2017. Sebaliknya, trend carian tertinggi dalam bulan kemerdekaan dapat dikenal pasti pada tiga tahun terkini iaitu bagi tahun 2018 (Rajah 4c) dan 2019 (Rajah 4d). Trend yang hampir sama juga ditunjukkan bagi tahun 2020 (Rajah 4e) apabila carian kedua tertinggi ialah pada bulan kemerdekaan. Carian tertinggi bagi tahun 2020 ialah 2020 pada 29 November – 5 Disember 2020.

Rajah 4: Trend Carian Maklumat Rukun Negara Mengikut Tahun (2016-2020)


Rajah 4a: Trend Carian 2016




Rajah 4b: Trend Carian 2017




Rajah 4c: Trend Carian 2018



Rajah 4d: Trend Carian 2019



Rajah 4e: Trend Carian 2020



### **Topik Carian Maklumat berkaitan Rukun Negara**

Jadual 3 menunjukkan topik carian menggunakan 23 kata kunci berkaitan Rukun Negara yang digunakan dalam tempoh lima tahun yang diperolehi daripada simpanan data raya Google Trends. JCR adalah secara relatif iaitu 100 adalah skor tertinggi dengan kata kunci carian “rukun negara Malaysia”. Kata kunci lain yang digunakan ialah “prinsip rukun negara” (JCR=68) dan “maksud rukun negara” (JCR=51). Terdapat juga kecenderungan masyarakat untuk mencari maklumat berkaitan kepentingan (JCR=26), sejarah (JCR =23), ikrar (JCR=21), kelab rukun negara (JCR=21) dan penyataan rukun negara dalam Bahasa Inggeris (JCR=20).

Jadual 3: Topik Carian Tertinggi Berkaitan Rukun Negara

Topik Carian	JCR
rukun negara malaysia	100
prinsip rukun negara	68
maksud rukun negara	51
kepentingan rukun negara	26
sejarah rukun negara	23
ikrar rukun negara	21
kelab rukun negara	21
rukun negara in english	20
lagu rukun negara	18
objektif rukun negara	18
penghayatan rukun negara	17
matlamat rukun negara	13
prinsip rukun negara malaysia	10
kepentingan prinsip rukun negara	8
logo rukun negara	7
rukun negara pdf	7
5 rukun negara malaysia	7
aktiviti kelab rukun negara	6
5 prinsip rukun negara	6
pengenalan rukun negara	5
sejarah pembentukan rukun negara	5
lima prinsip rukun negara	5
rukun negara diisyiharkan pada	3

Jadual 4 pula menunjukkan peratus peningkatan penggunaan bagi 10 kata carian yang paling ketara dalam tempoh lima tahun.

Jadual 4: Peratus Peningkatan Topik Carian Berkaitan Rukun Negara

Topik Carian	Peratus Peningkatan
kesan pembentukan rukun negara	Breakout
matlamat rukun negara	450%
penghayatan rukun negara	300%
kepentingan penghayatan rukun negara	250%
maksud rukun negara	110%
prinsip rukun negara	110%
apa itu rukun negara	110%
poster rukun negara	100%
objektif rukun negara	90%
prinsip rukun negara malaysia	70%

Trend menunjukkan terdapat kecenderungan masyarakat terhadap penghayatan makna berbanding pengetahuan asas berkaitan Rukun Negara. Dapatkan carian “kesan pembentukan rukun negara” dilabelkan sebagai “*Breakout*” ialah kata kunci carian yang berlaku peningkatan paling ketara. Trend peningkatan seterusnya ialah berkaitan “matlamat rukun negara” (450%), penghayatan rukun negara” (300%) dan “kepentingan penghayatan rukun negara” (250%). Peningkatan kepada kata kunci berkaitan pengetahuan asas pula mengalami peningkatan yang kurang ketara iaitu berkaitan maksud rukun negara (110%), prinsip rukun negara (110%), apa itu rukun negara (110%), poster rukun negara (100%), objektif rukun negara (90%) dan prinsip rukun negara Malaysia (70%).

## **Perbincangan Kajian**

Penggunaan data raya Google Trends dalam kajian ini dapat menunjukkan perubahan kesedaran masyarakat terhadap Rukun Negara. Kebergantungan masyarakat terhadap Internet merupakan satu peluang untuk memperkasakan penghayatan terhadap sesuatu konsep atau pengetahuan termasuk Rukun Negara. Keadaan ini menjadi semakin kritikal dalam era pandemik kini (Li, Bailey, Huynh, & Chan, 2020; Cuan-Baltazar, Muñoz-Perez, Robledo-Vega, Pérez-Zepeda, & Soto-Vega, 2020). Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat kecenderungan masyarakat untuk mendapatkan informasi berkaitan kesan pembentukan, matlamat, penghayatan dan kepentingan rukun negara. Informasi-informasi ini wajar disediakan oleh pihak berautoriti bagi menyalurkan maklumat yang sahih, segera dan mudah dicapai dalam pelbagai platform terkini mengikut trend semasa. Laporan Hootsuite (2021) menunjukkan kepelbagaian bentuk carian maklumat masyarakat Malaysia iaitu dalam bentuk konvensional (99.1%) dan sosial media (59.5%). Berdasarkan peningkatan penggunaan 86% masyarakat Malaysia menggunakan sosial media seperti Facebook, Youtube, Instagram dan tiktok, platform ini wajar dioptimumkan kerana 98.1% lebih gemar menonton video berbanding bentuk maklumat yang lain (<https://www.statista.com/>). Kajian-kajian terkini juga telah membuktikan kebergantungan masyarakat di seluruh dunia kepada kandungan berbentuk video di media sosial sebagai satu sumber maklumat yang berkredibiliti (antaranya Song, Zhao, Yao, Ba, & Zhu, 2021; Azak, Şahin, Korkmaz, & Yıldız, 2021). Golongan muda juga lebih mudah untuk mengekspresikan pandangan mereka menggunakan video (Ying & Baboo, 2015). Sementelahan pula, rakyat Malaysia masih bergantung kepada maklumat yang disediakan oleh pihak berautoriti (Jalli, 2020).

Selain itu, analisis data raya menunjukkan trend carian yang tidak bermusim serta berlaku sepanjang tahun, namun carian tertinggi berlaku pada bulan kemerdekaan serta perubahan ketara carian pada tahun 2020 pula menunjukkan keperluan untuk mengadakan pelbagai program sepanjang tahun secara berkala. Kajian ini menunjukkan program Sambutan Perayaan Jubli Emas Rukun Negara telah menimbulkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Selain itu pelaksanaan sesi maklum balas rakyat dalam proses pembangunan Draf Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021–2025 yang dilaksanakan pada bulan Ogos hingga Disember serta mendapat liputan luas di media massa dan media sosial turut memberi kesan kepada kesedaran masyarakat (antaranya Bernama, 2020; Berita Harian, 2020; OneNews, 2020).

## **Kesimpulan**

Dapatkan ini juga membuka peluang kepada penilaian kajian impak program berkaitan perpaduan amnya dan Rukun Negara khususnya untuk dipadankan dengan data Raya JCR Google Trends. Data raya Google Trends ini merupakan satu indikator yang dapat menilai keberkesanan setiap program yang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara mahupun pelbagai pihak berkepentingan yang lain. Pemerkasaan program sambutan Bulan Kemerdekaan juga wajar diteruskan.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Google Trends hanya menyediakan JCR sahaja dan bukan jumlah carian sebenar. Bagi mengatasi limitasi ini, kajian tinjauan secara berkala dan jangka panjang perlu dilaksanakan untuk meneroka lebih mendalam faktor pendorong dan impak program untuk dipadankan dengan data raya tersebut. Selain itu, kajian ini terhad kepada

Google sebagai enjin carian untuk durasi 5 tahun sahaja kerana limitasi Google Trends sebelum tahun 2016 hanya menyediakan data Google Insight mengikut bulanan sahaja (<https://trends.google.com/trends/>). Walau bagaimanapun, kajian selama 5 tahun adalah mencukupi untuk kajian berkaitan trend semasa (Ling et al., 2021; Tang et al., 2021).

## Rujukan

- Abd Muis, M., Mohamed, B.A., Abdul Rahman, A. Zakaria, Z. Noordin, N., Nordin, J. & Yaacob, M.A. (2012). Ethnic plurality and nation building process: A comparative analysis between Rukun Negara, Bangsa Malaysia and 1 Malaysia concepts as nation building programs in Malaysia. *Asian Social Science*, 8(13), 153-160.
- Active social media users as percentage of the total population in Malaysia from 2016 to 2021. Dimuat turun daripada <https://www.statista.com/statistics/883712/malaysia-social-media-penetration/>
- Aguilera, A. M., Fortuna, F., Escabias, M., & Di Battista, T. (2021). Assessing social interest in burnout using Google Trends data. *Social Indicators Research*, 156(2), 587-599.
- Azak, M., Şahin, K., Korkmaz, N., & Yıldız, S. (2021). YouTube as a source of information about COVID-19 for children: content quality, reliability, and audience participation analysis. *Journal of Pediatric Nursing*. doi: 10.1016/j.pedn.2021.06.024.
- Berita Harian. (Ogos 23, 2020). Rakyat boleh beri input Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/723834/rakyat-boleh-beri-input-pelan-tindakan-perpaduan-negara-2021-2025>
- Bernama (2020). Sesi Maklum Balas Rakyat berhubung Draf Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025 dari Ogos sehingga September ini menasarkan penglibatan 10,000 rakyat di seluruh negara - Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Dimuat turun daripada <https://bernama.com/bm/am/news.php?id=1872547>
- Cuan-Baltazar, J. Y., Muñoz-Perez, M. J., Robledo-Vega, C., Pérez-Zepeda, M. F., & Soto-Vega, E. (2020). Misinformation of COVID-19 on the internet: infodemiology study. *JMIR public health and surveillance*, 6(2), e18444.
- Demirel, A. (2020). An Examination of a Campaign Hashtag (# OptOutside) with Google Trends and Twitter. *Journal of Interactive Advertising*, 20(3), 165-180.
- Di Bella, E., Leporatti, L., & Maggino, F. (2018). Big data and social indicators: Actual trends and new perspectives. *Social Indicators Research*, 135(3), 869–878.
- Evers, H. D. (2014). Changing ethnic diversity in Peninsular Malaysia. *Kajian Malaysia*, 32(1), 37.
- Google Trends. (2021). Dimuat turun daripada <https://trends.google.com/trends/>.
- Hamid, N. A., Zawawi, H.Y., Disa, M.N., Tahir, A.Z.M. (2021). Rukun negara as a preamble to Malaysian constitution. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29, 29-42.
- Hingoro, M. A., & Nawaz, H. (2021). A Comparative Analysis of Search Engine Ranking Algorithms. *International Journal*, 10(2).
- Hootsuite (2021). Digital 2021 Malaysia. Dimuat turun daripada <https://datareportal.com/reports/digital-2021-malaysia>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). ICT Use and Access By Individuals and Households Survey Report, Malaysia, 2020. Dimuat turun dari <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN). (2013). Garis Panduan Pelaksanaan Program My Rukun Negara Peringkat Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.
- Jalli, N. (2020). Exploring the influence of citizen journalism content on the Malaysian political landscape. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 38(1).
- Kaewmanee, P., Muangprathub, J., & Sae-Jie, W. (2021, May). Forecasting Tourist Arrivals with Keyword Search using Time Series. In *2021 18th International Conference on Electrical Engineering/Electronics, Computer, Telecommunications and Information Technology (ECTI-CON)* (pp. 171-174). IEEE.
- Lee, Y. F., Gill, S. (2008). Rukun Negara teras pembinaan modal insan: satu komentar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 16 (1), 107–113.
- Li, H. O. Y., Bailey, A., Huynh, D., & Chan, J. (2020). YouTube as a source of information on COVID-19: a pandemic of misinformation?. *BMJ global health*, 5(5), e002604.

- Ling, S., Brown, K., Miksza, J. K., Howells, L. M., Morrison, A., Issa, E., ... & Zaccardi, F. (2021). Risk of cancer incidence and mortality associated with diabetes: A systematic review with trend analysis of 203 cohorts. *Nutrition, Metabolism and Cardiovascular Diseases*, 31(1), 14-22.
- Liu, R., An, E., & Zhou, W. (2021). The effect of online search volume on financial performance: Marketing insight from Google trends data of the top five US technology firms. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 1-12.
- Mayo-Yáñez, M., Calvo-Henríquez, C., Chiesa-Estomba, C., Lechien, J. R., & González-Torres, L. (2021). Google Trends application for the study of information search behaviour on oropharyngeal cancer in Spain. *European Archives of Oto-Rhino-Laryngology*, 278(7), 2569-2575.
- OneNews (Sept 7, 2020). Aspirasi Rakyat Dijadikan Asas Bangunkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara. Dimuat turun daripada <https://www.youtube.com/watch?v=I6P3QApv6yk>.
- Rohaizahtulamni, R., Gill, S., & Ahmad Tarmizi, T. (2013). Pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 9, 55-65.
- Scheres, L. J. J., Lijfering, W. M., Middeldorp, S., & Cannegieter, S. C. (2016). Influence of World Thrombosis Day on digital information seeking on venous thrombosis: a Google Trends study. *Journal of Thrombosis and Haemostasis*, 14(12), 2325-2328.
- Sharma, M., & Sharma, S. (2020). The rising number of COVID-19 cases reflecting growing search trend and concern of people: a Google Trend analysis of eight major countries. *Journal of Medical Systems*, 44(7), 1-3.
- Silva, E. S., Hassani, H., Madsen, D. Ø., & Gee, L. (2019). Googling fashion: forecasting fashion consumer behaviour using google trends. *Social Sciences*, 8(4), 111.
- Simon Kemp. (2021). Digital Malaysia 2021. Dimuat turun daripada <https://datareportal.com/reports/digital-2021-malaysia>
- Siti Norayu, M. B., Junainor, H., Shuhairimi, A., & Hassad, H. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian kes di Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 67-79.
- Song, S., Zhao, Y. C., Yao, X., Ba, Z., & Zhu, Q. (2021). Short video apps as a health information source: an investigation of affordances, user experience and users' intention to continue the use of TikTok. *Internet Research*. <https://doi.org/10.1108/INTR-10-2020-0593>.
- Statista. (2021). Number of internet users in Malaysia from 2010 to 2020 and a forecast up to 2025(in millions). Dimuat turun daripada <https://www.statista.com/statistics/553752/number-of-internet-users-in-malaysia/>
- Tang, N., Zhang, W., George, D. M., Wei, C., Su, Y., & Huang, T. (2021). The Top 100 Most-Cited Articles on Arthroscopy: Most Popular Topic Is Rotator Cuff Rather Than Cartilage in the Last 5 Years. *Arthroscopy: The Journal of Arthroscopic & Related Surgery*, 37(6), 1779-1797.
- Tijerina, J. D., Morrison, S. D., Vail, D. G., Lee, G. K., & Nazerali, R. (2019). The utility of Google Trends data for analyzing public interest in breast procedures. *Annals of plastic surgery*, 82(5S), S325-S331.
- Wilson, S., Daar, D., Sinno, S., & Levine, S. (2018). Public interest in breast augmentation: Analysis and implications of google trends data. *Aesthetic Plastic Surgery*, 42(3), 648–655.
- Ying, N. I., & Baboo, S. B. (2015). Creative pedagogies and video making: a study on malaysian adolescents' participation in environmental issues. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 33(1).